

# Tabung Gaza: Kakitangan USIM potong gaji sehari

NILAI 13 Jan. - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) hari ini mengumumkan pemotongan gaji sehari kepada semua kakitangan untuk disalurkan kepada Tabung Gaza bagi meringankan beban yang ditanggung penduduk Palestin.

Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Abdul Shukor Husin berkata, seruan itu dibuat sebagai langkah keprihatinan warga universiti terhadap kekejaman yang dilakukan tentera zionis-Is-

rael ke atas rakyat Palestin di Gaza.

"Saya tidak memaksa tetapi menyeru sumbangan secara sukarela di kalangan semua kakitangan akademik dan pentadbir USIM supaya memotong gaji sehari untuk disalurkan kepada Tabung Gaza," katanya pada majlis Rapat Umum Sokongan Kepada Palestin dan Bantahan Keganasan Israel dan Sekutunya di Stadium Tertutup Nilai, di sini hari ini.

Lebih 5,000 mahasiswa dan kakitangan USIM hadir pada rapat umum ini

dengan berarak dari kampus berkenaan ke stadium sambil melaungkan pelbagai slogan anti Israel serta membawa sepanduk mengutuk kekejaman tentera zionis.

"Kepada mahasiswa pula, saya juga merayu supaya kita sama-sama menyumbang ke dalam Tabung Gaza.

"Kalau tidak sampai RM1 sekali pun, 10 sen pun boleh. Itu besar ertinya kerana kita dapat menghantar sebutir panadol kepada penduduk Palestin," katanya.